

## MENEROKA CABARAN INTERAKSI SOSIAL GURU PERDANA DALAM PENGAJARAN KE ATAS MURID INKLUSIF DI ALIRAN PERDANA

Nazrah Jamaludin & Kama Shaffeei\*

Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

Corresponding Author: [kama@fpm.upsi.edu.my](mailto:kama@fpm.upsi.edu.my)

**Published:** 25 May 2023

**To cite this article (APA):** Jamaludin, N., & Shaffeei, K. (2023). Meneroka cabaran interaksi sosial guru perdana dalam pengajaran ke atas murid inklusif di aliran perdana. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 16, 45–54. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol16.sp.4.2023>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/bitara.vol16.sp.4.2023>

### ABSTRAK

Kebanyakan sekolah di pelbagai peringkat melaksanakan Pendidikan Inklusif kerana peningkatan enrolmen murid inklusif di arus perdana sebanyak 75% saban tahun. Ia menepati sasaran KPM dalam Gelombang 3 dalam PPPM 2021-2025. Pendidikan Inklusif merupakan salah satu komponen penting dalam sistem pendidikan di Malaysia yang diinspirasikan dari pelbagai deklarasi antarabangsa. Pendidikan Inklusif masih lagi belum mencapai sasaran dan pendekatan terkini hanya memberi fokus ke atas kesediaan pelaksanaan pendidikan inklusif sahaja. Namun, kurang kajian yang membincangkan tentang aspek cabaran interaksi sosial guru inklusif dalam pengajaran secara khusus. Kajian kes tunggal ini dijalankan di Selangor ke atas tujuh peserta kajian yang dipilih menggunakan persampelan bertujuan dengan nilai kebolehppercayaan Kappa 0.98 setelah 3 orang panel pakar membuat semakan dan pengesahan item. Instrumen ini dilaksanakan sebaik sahaja kajian rintis dijalankan dan menemukan satu tema baru iaitu sokongan sosial dalam interaksi sosial. Teknik pengumpulan data yang digunakan pengkaji ialah teknik temu bual sebagai data primer dan pemerhatian tidak turut serta dijadikan data sekunder. Pengkaji membuat triangulasi di antara data temu bual dan pemerhatian bagi meningkatkan kesahan dan kebolehppercayaan data. Hasil kajian mendapati terdapat empat aspek yang perlu ada dalam kesediaan pengajaran guru perdana iaitu sokongan emosi, pengurusan bilik darjah, sokongan instruksional dan sokongan sosial. Sokongan sosial merupakan penemuan baru dalam kajian ini yang tidak dinyatakan oleh pengkaji terdahulu dalam Model Pengajaran Interaksi. Guru memiliki keupayaan sosial yang agak baik semasa pengajaran namun mereka memerlukan sokongan dari pentadbir khususnya dalam menyediakan latihan khusus kepada guru perdana mendalami konsep serta amalan pengajaran sebenar Pendidikan Inklusif. Hasil dapatan bersama peserta kajian mereka berdepan dengan kesulitan dalam pengajaran yang melibatkan keperluan guru memberi sokongan emosi kepada murid, menguruskan bilik darjah, keupayaan memberi sokongan pengajaran kepada semua murid termasuklah keperluan sokongan sosial khasnya dari pihak pentadbir. Oleh itu, kajian lanjutan perlu diteruskan bagi melihat sejauh mana data statistik dapat menyokong dapatan kualitatif ini.

**Kata Kunci:** Elemen, interaksi sosial, guru perdana, inklusif

### PENGENALAN

‘Guru Tunjang Sekolah Sejahtera’ merupakan tema hari guru kebangsaan yang disambut seluruh negara pada 16 Mei setiap tahun. Tema ini menyentuh peranan guru dalam memperkasa keilmuan juga profesionalisme mereka sebagai pelapis baharu negara yang dapat memenuhi, merealisasikan dan meneruskan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Seajar dengan revolusi pendidikan kini, kesediaan guru dicatatkan dalam Standard Guru Malaysia menerusi tiga standard yang diwakili S1, S2 dan S3. Penjelasan mengenai kesediaan guru berada dalam Standard 1. Amalan nilai profesionalisme guru dilihat berdasarkan kompetensi guru yang merangkumi 3 aspek utama iaitu i. diri, ii. profesion dan iii. sosial. Namun, sehingga kini pelbagai kajian dalam mahu pun luar negara telah dijalankan untuk mengkaji kesediaan guru. Justeru, situasi ini menarik minat pengkaji untuk meneroka aspek lain yang

mempengaruhi kesediaan guru dalam mengajar kelas inklusif iaitu cabaran guru di sekolah menengah khasnya.

## **LATAR BELAKANG KAJIAN**

Kajian lepas menunjukkan interaksi guru dan murid mempunyai peranan yang signifikan dalam pembelajaran murid di arus perdana. Pendidikan Inklusif terbahagi kepada dua kategori iaitu Program Inklusif Separa dan Program Inklusif Penuh. Program Inklusif Penuh membuka peluang pembelajaran yang sama rata di antara Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) dengan murid tipikal di kelas arus perdana menggunakan fasiliti yang sama secara sepenuh masa di arus perdana. Pelan pembelajaran murid inklusif tiada perbezaan dengan murid tipikal melainkan pemilikan kad OKU yang hanya dimiliki oleh MBPK. Potensi murid dicungkil melalui pelbagai program anjuran sekolah baik di dalam mahupun di luar sekolah. Keadaan ini membolehkan MBPK menjalani proses pembelajaran biasa agar mereka dapat mengadaptasi kehidupan mereka dengan persekitaran yang berbeza secara rutin sebelum memasuki kehidupan dalam komuniti yang lebih kompleks sebaik tamat persekolahan. Proses pembelajaran di kelas perdana memerlukan suatu bentuk interaksi sosial berkesan dan aktif di antara murid dan guru yang memberi makna dalam peningkatan potensi murid.

### **Pernyataan Masalah**

Terdapat pelbagai kajian dilakukan bagi membincangkan isu-isu dalam Pendidikan Inklusif. Merujuk kepada Buku Data Pendidikan Khas 2022 bilangan enrolmen Murid Berkeperluan Khas (MBK) Program Pendidikan Inklusif (PPI) berdasarkan Peringkat Persekolahan dan Negeri paling tinggi ialah di negeri Selangor iaitu 12,502 orang (KPM 2022). Keadaan ini merupakan cabaran besar pada institusi sekolah berikutan kekangan fasiliti seperti bilik darjah masih berlaku (Salleh et al.,2018). Ditambah dengan kadar peningkatan kemasukan murid setiap tahun terutama di negeri yang memiliki kepesatan ekonomi yang tinggi dengan kadar peluang pekerjaan yang tinggi memaksa ibu bapa dengan anak berkeperluan khas mendaftarkan anak sebagai murid inklusif. Permintaan tinggi dari ibubapa ke atas Pendidikan Inklusif adalah suatu trend positif namun, sejauh mana ianya dapat dipenuhi dengan bilangan guru perdana terlatih untuk mengajar murid masih dibahaskan dalam kajian hari ini terutamanya melibatkan isu kesediaan guru. Sehingga kini, tidak terdapat kajian yang dibuat pengkaji dalam memberi penekanan ke atas interaksi sosial guru itu sendiri walaupun telah diberi saranan oleh beberapa pengkaji terdahulu (Hoshan, 2020). Maka, kajian ini dijalankan untuk meneroka cabaran di sebalik amalan interaksi sosial guru perdana di arus perdana samaada ia memberi kesan ke atas mana-mana pihak dalam kitaran sosial khasnya MBPK.

### **TUJUAN KAJIAN**

Kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti cabaran ke atas interaksi sosial yang dihadapi guru perdana semasa mengajar MBPK dalam bilik darjah arus perdana di sekolah menengah.

### **KAJIAN LITERATUR**

Konsep *Scaffolding* di dalam pengajaran guru dilihat membantu mencapai pembelajaran sendiri murid (Wang, Y.,2009). Proses interaksi turut dipengaruhi oleh sumber sosial melalui persekitaran sosial murid dari institusi keluarga asas mahupun di luar institusi keluarga asas seperti di sekolah. Namun, individu yang bersikap pasif ke atas egen sosial di sekitarnya menghalang individu untuk menikmati peluang meningkatkan potensi diri (Miller, 2011). Guru perlu memahami bahawa proses interaksi sosial kanak-kanak dipengaruhi oleh persekitaran(Bronfenbrenner Urie, 1979). Hal ini terjadi berikutan kanak-kanak dalam Teori Ekologi berada di lapisan mikro yang terdedah dengan pelbagai faktor persekitaran di mana teori ini turut menegaskan tentang kepentingan interaksi sosial individu dengan

individu yang lain. Peningkatan potensi diri turut memerlukan seseorang individu memberi fokus ke atas proses interaksi sosial di antara dua pihak misalnya guru dengan murid di mana ianya memberi suatu makna hasil dari interaksi yang melibatkan pengalaman serta idea mereka. Ringkasnya kewujudan rangsangan dalaman atau luaran seperti diri sendiri, ibubapa, rakan sebaya, guru dan masyarakat ke atas interaksi sosial menggalakkan aktiviti komunikasi dalam rutin pengajaran dan pembelajaran guru dan murid di bilik darjah. Sebagai agen sosial paling hampir dengan murid, keberkesanan pengajaran guru menerusi konsep *Scaffolding* dengan mengambil kira keperluan memahami kitaran sosial murid menjadi perisai dalam menghadapi pelbagai cabaran ke atas interaksi sosial guru perdana bersama murid.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

1. Meneroka cabaran interaksi sosial guru perdana ke atas elemen sokongan emosi dalam pengajaran ke atas Murid Berkeperluan Pendidikan Khas arus perdana.
2. Meneroka cabaran interaksi sosial guru perdana ke atas elemen pengurusan bilik darjah dalam pengajaran ke atas Murid Berkeperluan Pendidikan Khas arus perdana.
3. Meneroka cabaran interaksi sosial guru perdana ke atas elemen sokongan instruksional dalam pengajaran ke atas Murid Berkeperluan Pendidikan Khas arus perdana.
4. Meneroka cabaran interaksi sosial guru perdana ke atas sokongan sosial dalam pengajaran ke atas Murid Berkeperluan Pendidikan Khas arus perdana.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Pengkaji memilih menggunakan metodologi kajian kes tunggal menggunakan unit analisis holistik disebabkan ia merupakan satu kes yang unik dimana belum ada kajian dibuat oleh mana-mana pengkaji sebelum ini, ianya merupakan suatu kes yang kritikal dan berkenaan boleh mendedahkan maklumat yang diperlukan secara mendalam dan terperinci (Noraini, 2013).

### **Rekabentuk Kajian**

Pengkaji menggunakan komponen kajian bersifat konvensional iaitu reka bentuk kualitatif. Manakala teknik kajian iaitu apa yang menjadi komponen dalam reka bentuk kualitatif adalah kajian kes. Data yang diperolehi dari teknik pengumpulan yang digunakan pengkaji seperti temu bual dan pemerhatian akan dianalisis menggunakan analisis verbatim.

### **Sampel Kajian**

Merujuk kepada Yin (2011) jumlah bilangan peserta kajian yang diperlukan bergantung kepada capaian ketepuan data itu sendiri di mana tiada maklumat baru diperolehi dari peserta kajian berikutnya. Justeru, dalam kajian ini sejumlah tujuh orang guru perdana dipilih secara persampelan bertujuan melibatkan enam orang guru wanita dan seorang guru lelaki yang memiliki kriteria peserta kajian yang homogen antaranya pengalaman mengajar MBPK di arus perdana lebih dari tiga tahun, memperoleh markah prestasi 90 peratus dan ke atas serta telah berkhidmat sebagai guru melebihi sepuluh tahun ke atas.

### **Instrumen Kajian**

Instrumen kajian ini menggunakan satu set protokol temu bual semi berstruktur yang diadaptasi dari instrumen CLASS-S. Instrumen ini telah disemak dan disahkan oleh 3 orang panel pakar dengan kepakaran dari bidang kandungan, metodologi dan bahasa dengan nilai Cohen Kappa 0.98. Instrumen

ini juga telah dirintis ke atas tiga orang peserta kajian di sekolah lain. Ia merupakan satu ujian skala kecil di mana pengkaji menguji item-item yang terdapat dalam soalan temu bual semi berstruktur terlebih dahulu untuk menilai ketekalan item dari segi aras item, objektif item, kefahaman item, kebolegunaan item dan arahan item itu sendiri sebelum diuji ke atas peserta kajian di lapangan sebenar (Roid&Haladyna, 1982). Sekiranya terdapat masalah pengkaji dengan serta merta membuat penambahbaikan ke atas kelemahan item yang terdapat dalam protokol temu bual. Ianya suatu pengalaman awal sebelum pengkaji melaksanakannya di lapangan sebenar.

### **Prosedur Pengumpulan Data**

Pengkaji menggunakan dua teknik pengumpulan data iaitu temu bual dan pemerhatian di mana data temu bual merupakan data primer kajian dan data pemerhatian dijadikan data sekunder kajian. Dengan kata lain data pemerhatian menyokong dapatan data temu bual yang diperolehi.

### **Kaedah Analisis Data**

Data temu bual dan data pemerhatian dianalisa secara manual. Kesemua data temu bual dan pemerhatian ditranskrib pengkaji ke dalam bentuk penulisan menggunakan *Ms Word*. Data yang dirakam menggunakan peranti rakaman akan didengari pengkaji berulang kali bagi memastikan tiada satu maklumat yang tertinggal untuk ditranskrip (Saldana, 2013). Selanjutnya, pengkaji menyimpan data berkenaan di dalam penstoran komputer selain *google drive*. Data yang telah di transkrip akan dianalisis pengkaji secara manual di mana pengkaji mengeluarkan kod-kod yang di baca secara terbuka dalam helaian jadual bercetak. Pengkaji membuat pembacaan berulang kali dan menggariskan kod-kod ayat dengan menggunakan pen berwarna-warni. Kemudian pengkaji memindahkan maklumat ke dalam jadual yang dirangka pengkaji.

Pengkaji turut melakukan hal yang sama bagi data pemerhatian di mana pengkaji menonton rakaman video berulang kali dengan menyemak senarai semak pemerhatian dalam masa yang sama pengkaji membuat verbatim pemerhatian. Nota lapangan yang dicatat turut digunakan semasa membuat verbatim pemerhatian. Pengkaji menggunakan pen berwarna untuk mengenalpasti kod-kod yang terdapat pada verbatim pemerhatian. Pengkaji memindahkan ke semua kod ke dalam helaian jadual bercetak. Pengkaji menggunakan jadual kod temu bual dan jadual kod pemerhatian untuk memulakan penulisan laporan. Walaupun proses ini kelihatan rumit namun pengkaji berasa yakin dengan ke semua data yang dibaca dan diperhatikan sendiri secara berulang kali dan dapat menghayati ke semua data dengan lebih mendalam, fokus dan berhati-hati. Data kajian kualitatif ini dilaporkan pengkaji secara naratif dengan berpandukan rujukan Denzin dan Lincoln (2018) biasanya dibuat bagi kajian yang menggunakan instrumen temu bual dan pemerhatian.

### **DAPATAN KAJIAN**

Laporan kajian kualitatif ini menggunakan dua bentuk laporan iaitu bentuk naratif dan bentuk deskriptif. Pengkaji melaporkan data dalam bentuk penceritaan dengan menceritakan semula daripada apa yang didengar pengkaji semasa temubual dilaksanakan dengan peserta kajian serta apa yang diperhatikan pengkaji semasa sesi pemerhatian dilakukan pengkaji. Seterusnya pengkaji turut membuat penulisan dalam bentuk huraian ke atas penceritaan dengan jelas dan terperinci. Maka, terhasillah laporan dapatan kajian yang menjelaskan tiga tema sedia ada dari Model Interaksi Pengajaran dan satu tema baru iaitu Sokongan Sosial. Jadual 1.1 menunjukkan taburan pola kategori cabaran interaksi sosial guru perdana dalam pengajaran inklusif di sekolah menengah. Dapat dilihat dengan jelas menerusi Jadual 1.1 empat tema yang muncul iaitu sokongan emosi, pengurusan bilik darjah, sokongan instruksional dan sokongan sosial.

Jadual 1.1: Taburan pola kategori **cabaran interaksi sosial** guru perdana dalam pengajaran inklusif di sekolah menengah

| Bil | Tema                    | Sub Tema                          | Peserta Kajian |   |   |   |   |   |   |        |
|-----|-------------------------|-----------------------------------|----------------|---|---|---|---|---|---|--------|
|     |                         |                                   | 1              | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | Jumlah |
| 1.  | Sokongan Emosi          | Membina Hubungan                  | /              | / | / | / | / | / | / | 7      |
|     |                         | Menggalakkan Aktiviti Berkumpulan | X              | X | / | / | X | / | X | 3      |
|     |                         | Persekitaran Sosial               | X              | / | X | X | X | X | X | 1      |
| 2.  | Pengurusan Bilik Darjah | Kesukaran Pengajaran              | /              | / | / | / | / | / | / | 7      |
|     |                         | Mengubah Tingkah Laku             | /              | / | / | X | / | / | / | 6      |
| 3.  | Sokongan Instruksional  | Faedah Penglibatan Murid          | /              | / | / | / | / | / | / | 7      |
|     |                         | Maklum Balas Murid Tipikal        | X              | X | X | X | X | X | X | 0      |
| 4.  | Sokongan Sosial         | Rakan Sekerja                     | X              | X | X | X | X | X | X | 0      |
|     |                         | Pentadbir                         | X              | X | X | / | X | / | X | 2      |

x-dapatan kategori dan tema kajian

**Meneroka cabaran interaksi sosial guru perdana ke atas elemen sokongan emosi dalam pengajaran ke atas Murid Berkeperluan Pendidikan Khas di arus perdana.**

Melalui tema sokongan emosi keupayaan guru memberi sokongan emosi kepada murid dirumuskan dalam Jadual 1.1 yang mengandungi tiga sub tema yang ditemukan iaitu membina hubungan, menggalakkan aktiviti berkumpulan di kalangan murid dan persekitaran sosial. Antara cabaran utama guru dalam memberi sokongan emosi kepada murid khususnya MBPK ialah cabaran dalam membina hubungan dengan MBPK. Hasil temu bual yang dijalankan mendapati guru perlu memberi pujian, bertanya khabar, memberi semangat, memberi perhatian lebih serta kerap berinteraksi dengan MBPK dalam PdPc. Hal ini memerlukan guru memperuntukkan masa yang lebih terhadap MBPK dalam PdPc. Selain itu, guru berdepan cabaran dalam menggalakkan penglibatan MBPK dalam aktiviti berkumpulan. Cabaran yang dimaksudkan ialah ketidakupayaan MBPK masalah pendengaran sebagai contoh menyebabkan guru perlu mengulang soalan beberapa kali. Sementara dalam pemerhatian pengkaji terdapat guru yang aktif menggalakkan murid menyertai aktiviti berkumpulan. Sebaliknya terdapat juga guru yang tidak menunjukkan usaha menggalakkan aktiviti berkumpulan kepada murid di dalam PdPc. Cabaran yang lain, pengkaji mendapati guru berdepan cabaran persekitaran sosial yang terhad dengan menyatakan mereka tidak berhubung dengan ibu bapa mengenai pembelajaran anak disebabkan status guru bukan guru kelas. Semua cabaran dalam memberi sokongan emosi kepada MBPK menghadkan keupayaan guru untuk berinteraksi dengan MBPK dengan *rapport* yang kuat.

### **Meneroka cabaran interaksi sosial guru perdana ke atas elemen pengurusan bilik darjah dalam pengajaran ke atas Murid Berkeperluan Pendidikan Khas di arus perdana.**

Tema seterusnya yang dianalisis pengkaji ialah pengurusan bilik darjah. Menerusi Jadual 1.1 terdapat dua sub tema yang ditemukan iaitu kesukaran pengajaran dan mengubah tingkah laku. Memiliki pengalaman mengajar lebih dari sepuluh tahun bukan jaminan buat guru tidak berdepan cabaran menguruskan bilik darjah. Dalam kajian ini, pengkaji mendapati guru berdepan dengan kesukaran pengajaran disebabkan ketidakupayaan MBPK seperti pendiam, mengasingkan diri, kurang bercakap, sering pasif dalam aktiviti berkumpulan serta kurang kawan. Keadaan ini menyukarkan guru melibatkan MBPK dalam PdPc yang disertai murid tipikal. Malah cabaran ini turut menyukarkan guru untuk mengubah tingkah laku MBPK kepada tingkah laku positif. Justeru, kebanyakan guru dilihat mengambil pendekatan memberi pujian, mengulang soalan, memindahkan tempat duduk MBPK sekiranya perlu serta memanggil nama MBPK. Dari pemerhatian pengkaji kesemua yang pendekatan dinyatakan peserta kajian hanya sebahagian dilaksanakan di dalam PdPc. Perkara ini berlaku mungkin disebabkan guru perlu menghabiskan silabus ditambah bilangan murid yang ramai di dalam kelas.

### **Meneroka cabaran interaksi sosial guru perdana ke atas elemen sokongan instruksional dalam pengajaran ke atas Murid Berkeperluan Pendidikan Khas di arus perdana.**

Tema ketiga yang diperoleh pengkaji ialah sokongan instruksional. Terdapat cabaran yang dihadapi guru dalam memberikan sokongan instruksional kepada MBPK iaitu tahap kesedaran guru ke atas faedah penglibatan MBPK dalam PdPc serta cabaran dalam mendapatkan maklum balas murid tipikal arus perdana. Walaupun semua peserta kajian bersetuju bahawa penglibatan murid dalam PdPc banyak memberi faedah kepada guru dan murid namun didapati menerusi pemerhatian penglibatan murid dalam PdPc tidak dilakukan secara menyeluruh. Hanya murid tertentu atau yang sama sahaja terlibat dalam sesi aktiviti berkumpulan baik dalam melaksanakan projek mahupun pembentangan. Guru dilihat sukar mendapat penglibatan dari semua murid. Guru turut berdepan cabaran mendapatkan maklum balas murid tipikal menerusi pemerhatian pengkaji. Ia bertentangan dengan dapatan temu bual di mana semua guru menyatakan mereka tidak berdepan dengan masalah mendapatkan maklum balas dari murid tipikal. Terdapat murid tipikal yang menertawakan MBPK sewaktu aktiviti berkumpulan berlangsung. Ia antara cabaran yang dihadapi segelintir guru perdana semasa PdPc.

### **Meneroka kesediaan interaksi sosial guru perdana ke atas sokongan sosial dalam pengajaran ke atas Murid Berkeperluan Pendidikan Khas di arus perdana.**

Tema keempat ialah cabaran mendapatkan sokongan sosial. Tema ini mengandungi dua sub tema seperti dalam Jadual 1.1 iaitu rakan sekerja dan pentadbir. Guru menyatakan mereka hanya berpeluang berbincang dengan rakan sekerja semasa mengikuti Komuniti Pembelajaran Professional (KPP). Keadaan ini memaksa guru untuk melaksanakan penambahbaikan pengajaran tanpa pemantauan dari guru pakar atau mentor di dalam KPP. Selain itu, guru berdepan dengan cabaran pentadbir yang terlalu memberi kebebasan kepada guru sehingga tiada pemantauan khusus dibuat ke atas peserta kajian yang mengajar kelas inklusif. Perkara ini, sedikit sebanyak menjejaskan proses interaksi sosial guru dalam menyampaikan laporan PdPc kelas inklusif kepada pihak pentadbir.

### **Perbincangan dan Implikasi Kajian**

Dalam model sosial Pengajaran Hamre interaksi sosial melibatkan tiga elemen sahaja iaitu sokongan emosi, pengurusan bilik darjah dan sokongan instruksional. Hal ini turut disokong dengan dapatan kajian pengkaji malah pengkaji menemukan satu lagi elemen penting di dalam interaksi sosial guru iaitu sokongan sosial yang melibatkan rakan sekerja dan pentadbir. Berdasarkan Jadual 1.1, terdapat empat tema cabaran interaksi sosial guru perdana iaitu sokongan emosi, pengurusan bilik darjah, sokongan instruksional dan sokongan sosial. Sokongan emosi meliputi perihal membina hubungan dengan murid, menggalakkan aktiviti berkumpulan dan mewujudkan persekitaran sosial. Dalam keghairahan memberi sokongan emosi kepada murid khususnya MBPK guru perlu memastikan emosi guru berada dalam keadaan baik dan positif agar penyampaian sokongan emosi kepada murid mencapai

matlamat yang diinginkan seperti pujian menggalakkan tingkah laku positif murid (Gamlem, 2019). Bagi tema pengurusan bilik darjah pula melibatkan kesukaran pengajaran dan mengubah tingkah laku murid. Cabaran guru hari ini lebih kompleks yang menuntut kesabaran dan komitmen tinggi guru ke atas kepelbagaian ragam murid di dalam kelas. Ketidakecakapan guru mengurus bilik darjah agar lebih kondusif mengakibatkan murid menunjukkan tingkah laku negatif seperti bising, tidak menyiapkan tugas, ponteng kelas dan buli berlaku semasa PdPc (Hendri, 2019).

Tema berikutnya ialah sokongan instruksional yang melibatkan cabaran mengenal pasti faedah penglibatan murid dan maklum balas murid tipikal. Semua peserta kajian menyatakan komitmen yang sama mengenai pemberian sokongan instruksional kepada murid. Namun, guru mempunyai keterbatasan tertentu khususnya dari aspek keterlibatan murid dalam PdPc. Cabaran ini dipengaruhi oleh keupayaan guru melihat peri pentingnya penglibatan murid dalam aktiviti berkumpulan termasuklah mengambil maklum respon murid tipikal di dalam kelas arus perdana. Ini bermakna guru perlu lebih cakna dengan keperluan murid termasuk MBPK (Pöysä et al., 2018). Manakala tema terakhir dalam persoalan kajian kedua ialah sokongan sosial yang melibatkan cabaran rakan sekerja termasuklah pentadbir. Dalam kajian yang dijalankan ke atas 25 orang guru termasuk guru besar di sekolah rendah didapati masih terdapat guru yang memiliki pengetahuan yang rendah berhubung konsep Pendidikan Inklusif (Rosmalily Salleh & Woollard, 2019). Adalah tidak mustahil keadaan ini menyumbang kepada cabaran interaksi sosial guru perdana di sekolah.

Semua cabaran yang dihadapi guru semasa proses interaksi sosial berlaku di bilik darjah jika tidak ditangani dengan baik akan menjejaskan persediaan awal guru mengajar kelas inklusif. Guru perlu mengambil pendekatan lebih bersifat kontemporari berbanding penggunaan kaedah tradisional dalam PdPc agar lebih menarik dan menyeronokkan (Mohd Syaubari Othman et al., 2022). Seterusnya memberi kesan langsung ke atas emosi guru yang mengajar serta murid yang diajar. Waima cabaran dalam interaksi guru perdana agak kompleks namun dengan keupayaan pengurusan sekolah yang berkesan dapat membantu guru lebih bersedia dan yakin dalam pengajaran di kelas inklusif (Joohari Hassan & Mahizer Hamzah, 2020).

## KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, guru adalah tonggak kepada kemenjadian semua murid. Segala bentuk perancangan yang dimuktamadkan dilihat pincang tanpa kesediaan guru dalam menggalas tanggungjawab sebagai pendidik. Melengkapkan diri dengan pelbagai persediaan rapi guru dapat membantu guru itu sendiri secara asasnya menghadapi cabaran yang melibatkan pemberian sokongan emosi kepada murid, pengurusan bilik darjah dengan cekap dan berkesan seterusnya sokongan instruksional kepada murid dan sokongan sosial. Keupayaan guru menghadapi cabaran yang dinyatakan dapat menggalakkan penglibatan dan kerjasama murid dalam pembelajaran di dalam kelas inklusif secara holistik. Guru perlu memainkan lebih peranan sebagai pemudah cara kepada murid dalam aktiviti pembelajaran mereka di samping memberi lebih peluang kepada murid untuk meneroka pembelajaran mereka bersama rakan dengan pemantauan guru. Bagi memastikan dapatan kajian ini dapat diuji kesahannya, pengkaji mencadangkan agar kajian lanjutan perlu diteruskan dengan menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif mahupun reka bentuk gabungan.

## RUJUKAN

- Apak, J., & Taat, M. S. (2018). Pengaruh Kesediaan Guru Terhadap Pengurusan Bilik Darjah Abad Ke-21. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 3(4),6-22.
- Bronfenbrenner Urie. (1979). *The Ecology of Human Development Experiments By Nature And Design*. Harvard University Press.
- Gamlem, S. M. (2019). Mapping teaching through interactions and pupils' learning in mathematics. *SAGE Open*, 9(3), 1–13. <https://doi.org/10.1177/2158244019861485>
- Hendri, N. (2019). Lingkungan Pembelajaran Yang Produktif dan Kondusif. *E-Tech*, 7(6), 1–9. <https://doi.org/10.1007/XXXXXX-XX-0000-00>

- Joohari Hassan, & Mahizer Hamzah. (2020). Halangan-halangan pengurusan sekolah rendah dalam mewujudkan sekolah berkesan di Zon Utara (Perlis, Kedah dan Pulau Pinang): Tindakan dan keperluan Guru Besar dan Guru-guru Penolong Kanan menanganinya. *Jurnal Pendidikan Bitara Upsi*, 13(2), 12–28. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol13.2.2.2020>
- K. Denzin, N. & S. Lincoln, Y. (2018). *The Sage Handbook of Qualitative Research*. In *Synthese* (Fifth Edition, Vol.195, Issue 5). SAGE Publications Inc.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2022). *Buku Data Pendidikan Khas 2022*. Bahagian Pendidikan Khas.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2017). *Dasar Pendidikan Kebangsaan*. Putrajaya.
- K. Yin, R. (2011). *Qualitative Research From Start to Finish*. The Guilford Press.
- L.S. Vygotsky. (1997). *Educational Psychology* (1st). Taylor&Francis.
- Miller, R. (2011). *VYGOTSKY in Perspective* (First Edit). Cambridge University Press.
- Mohd Syaubari Othman, B., Afifi Bahuruddin Setambah, M., Rosli Shuib, T., Zaqan Zainol, M., Anisa Musa, N., Hoshan, H., Hassan Mohamad Hanapi, M., & Talib Bin Mohamad Hashim, A. (2022). The Relationship Between Gamification Implementation And Student Involvement. *Resmilitaris*, 12(2), 2785–2796. <https://resmilitaris.net/menu-script/index.php/resmilitaris/article/view/377>
- Noraini Idris (2013). *Penyelidikan Dalam Pendidikan* (Edisi Kedua) Mc Graw Hill Education.
- Pöysä, S., Vasalampi, K., Muotka, J., Lerkkanen, M. K., Poikkeus, A. M., & Nurmi, J. E. (2018). Teacher–student interaction and lower secondary school students’ situational engagement. *British Journal of Educational Psychology*, 89(2), 374–392. <https://doi.org/10.1111/bjep.12244>
- Rosmalily Salleh, & Woollard, J. (2019). Inclusive education: Equality and equity (Teachers’ views about inclusive education in Malaysia’ s primary schools). *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 12, 72–83.
- Saldana, J. (2013). *The Coding Manual for Qualitative Research* (Second). SAGE Publications, Inc.
- Salleh, S. F., & Che Omar, M. (2018). Masalah pengajaran guru dalam program pendidikan inklusif di sekolah. *Asian People Journal (APJ)*, 1(2), 243-263.
- UNESCO. (2018). *Sub-Education Policy Review Report: Inclusive Education*. United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization.
- Wang, Y. (2009). Impact of Lev Vygotsky on special education. *Canadian Social Science*, August, 100-104.
- Zaini Abdullah. (1996). *Akta Pendidikan 1996 dan Peraturan Pendidikan*. 1-31.

## PROTOKOL TEMU BUAL SEMI BERSTRUKTUR

1. Apakah cabaran utama yang cikgu hadapi semasa mengajar Murid Berkeperluan Pendidikan Khas di dalam kelas?
2. Adakah terdapat cabaran dalam interaksi sosial cikgu bersama Murid Berkeperluan Pendidikan Khas?
3. Boleh cikgu jelaskan cabaran berkenaan?
4. Mengapakah ianya berlaku semasa pengajaran cikgu di dalam kelas?
5. Bagaimanakah cikgu menangani cabaran-cabaran berkenaan?
6. Mengapakah cikgu perlu menangani cabaran berkenaan?
7. Adakah cikgu memerlukan sebarang bentuk sokongan untuk membantu cikgu menghadapi semua cabaran ini?



**PEMERHATIAN 3 DENGAN NOTA LAPANGAN DAN KOMEN PENGKAJI  
PESERTA KAJIAN 5**

**TARIKH:** ██████████  
**TEMPAT:** ██████████

**HARI:** ██████████  
**WAKTU:** ██████████

Pada tarikh ██████████ iaitu pada hari ██████████ pengkaji seperti biasa memaklumkan kepada salah seorang kakitangan pejabat sekolah untuk bertemu dengan peserta kajian dengan menunjukkan surat kebenaran menjalankan kajian yang dikeluarkan pihak sekolah sebelum ini. Sebaik sahaja memaklumkan perkara berkenaan pengkaji telah berbual dengan beberapa orang guru perdana sambil menunggu kedatangan peserta kajian di sebelah bilik peperiksaan. Peserta kajian memaklumkan perlu menunggu sehingga murid sesi pagi keluar dari kelas barulah peserta kajian boleh memasuki kelas berkenaan. Ini kerana kelas 2 Harmoni yang terletak di aras 2 berkongsi dengan kelas tingkatan 4 sesi pagi. Pengkaji masuk serentak dengan guru di mana pengkaji masuk menggunakan pintu belakang. Berdasarkan pemerhatian, sebaik sahaja guru memasuki kelas guru terus bertanyakan kumpulan murid tanpa mengarahkan ketua kelas memberi salam kepadanya. Pengkaji mendapati beberapa murid lelaki keluar masuk ke kelas untuk mencari kerusi kerana kerusi di dalam kelas ketika itu tidak mencukupi. Turut dilihat memasuki kelas ialah beberapa orang murid perempuan.

Kelas berada dalam keadaan tidak kondusif di mana terdapat kesan lantai simen pecah di beberapa tempat, langsir berwarna hijau lumut tidak diikat kemas, susunan meja disusun seperti berada di bilik peperiksaan, pencahayaan kelas agak gelap, dan papan kenyataan agak kosong. Suara guru jelas didengar dari barisan meja belakang walaupun suara guru halus tetapi nyaring. Guru wanita yang bertudung kelabu cerah dengan memakai baju kurung tanah putih dan berkaca mata meminta murid membuka buku modul Sains muka surat 130 untuk murid buat ulangkaji bersama guru. Guru mengira bilangan soalan yang akan dibincangkan yang memerlukan sembilan orang murid menjawab soalan berkenaan. Guru mengambil inisiatif memilih ahli pembentang yang membentangkan tajuk berkaitan Bab 11 dan Bab 13 pada minggu sebelumnya. Ahli pembentang ini turut disertai oleh seorang Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) bernama ██████████ namun kelihatan ██████████ tiada di dalam kelas semasa sesi ulangkaji sedang dijalankan kerana terpaksa mencari kerusi sendiri. Soalan pertama dibacakan oleh ██████████ pada minit 4.25 beserta jawapan. Guru memberi sedikit penerangan bagi mengesahkan jawapan ██████████. Soalan kedua dibaca oleh murid yang duduk di depan meja ██████████. Guru tidak memanggil nama murid untuk membacakan soalan namun murid secara sukarela berdiri dan membacakan soalan dan jawapan sambil guru berdiri di depan meja guru.

Pada minit 6.27 kelihatan lima orang murid lelaki termasuklah ██████████ masuk ke dalam kelas. ██████████ terus menghampiri guru untuk memaklumkan kepada guru tentang kesukaran mereka mendapatkan kerusi lebih dari kelas berhampiran. Guru cuba memberi bantuan kepada murid yang masih tiada kerusi untuk duduk dengan menunjukkan kepada murid perlu mencari di mana kerusi lebih berkenaan. Kelihatan seorang murid masuk dengan mengangkat kerusi masuk ke dalam kelas. Semasa guru sedang menenangkan murid yang masih tiada kerusi kelihatan seorang murid lelaki secara sukarela berdiri untuk membacakan soalan dan jawapan. ██████████ ke barisan meja belakang untuk mengambil satu kerusi lebih untuk duduk. Kedudukan meja ██████████ berada di barisan kedua dari pintu masuk kelas dan meja ketiga dari depan papan putih.

Perbincangan jawapan diteruskan oleh ██████████. ██████████ dilihat sedang mencari dan membuka buku modul Sains sambil mendengar penerangan guru terhadap jawapan yang diberikan murid. Semua murid tekun mendengar perbincangan dan penerangan guru. Kelihatan ██████████ mengalami kesukaran melihat di mana dia perlu merapatkan matanya rapat pada buku malah dia perlu membungkukan badannya bagi membolehkan dia membaca barisan ayat dalam buku. Sementara pembentang memberikan jawapan, guru turut memastikan bahawa murid-murid lain dapat mengikuti perbincangan yang sedang dijalankan. Apabila sampai kepada giliran ██████████ minit 12.04, ██████████ berdiri dan membacakan soalan beserta jawapan. Guru meminta ██████████ membuat bacaan dari perenggan atas terlebih dahulu dan ██████████ akur berbuat demikian. Dia berusaha membaca soalan dengan menaikan buku berkenaan dekat dengan matanya. Ada ketikanya guru mencelah bagi memberi sedikit penerangan kepada murid. Minit 13.07 kelihatan dua orang murid lelaki masuk ke kelas tanpa

kerusi dan terpaksa duduk di atas lantai. Guru menyampai rasa simpati diikuti dengan suara ketawa dari beberapa orang murid yang melihatnya.

Guru menyarankan agar mencari kerusi sebaik sahaja habis kelas kepada murid yang tiada tempat duduk. Kemudian, guru meneruskan perbincangan dengan soalan yang seterusnya. Apabila keadaan kelas menjadi agak riuh dengan gelak ketawa murid melihat keadaan kawan mereka yang tiada kerusi, guru mengarahkan murid untuk kembali berada dalam keadaan bersedia dan senyap ketika rakan sedang memberikan jawapan pada minit 15.04 dan menyarankan kepada murid yang belum buat latihan berkenaan untuk mengikuti jawapan yang dibacakan murid lain. Guru turut memberikan peluang kepada rakan yang tidak terdiri daripada ahli kumpulan yang membentang untuk memberikan jawapan. Guru mengenalpasti murid yang telah membuat latihan dan menawarkan kepada murid terlibat untuk membacakan soalan beserta jawapan di dalam kelas. Guru dilihat berupaya menghafal nama muridnya apabila murid berdiri untuk membacakan soalan guru akan memanggil nama murid berkenaan. Malah guru memuji murid dengan menyatakan *bonuslah* untuk murid selain dari ahli kumpulan pembentang yang secara sukarela membacakan soalan beserta jawapan. Selain itu terserlah keprihatinan guru apabila meminta murid membaca kembali dengan kuat kerana merasakan murid lain tidak mendengar suara murid bernama ██████ membacakan soalan. Guru memberi sedikit penerangan pada bahagian soalan tertentu kepada murid. Guru memuji ██████ sebaik sahaja dia selesai membaca soalan dan jawapan di dalam kelas. Minit 17.27 kedengaran bunyi loceng waktu berikutnya dibunyikan. Pengkaji mendapati semasa guru sedang memberi penerangan terdapat beberapa orang murid perempuan di barisan belakang sedang berbincang jawapan untuk ditulis di dalam buku modul Sains.

Setelah selesai perbincangan soalan di buku modul Sains pada minit 19.25, guru mengingatkan murid untuk menyambung perbincangan pada hari berikutnya. Kemudian, guru turut mengingatkan murid supaya bersedia untuk soalan bagi pembentangan bab 12 beserta jawapan. Guru meminta murid bersedia untuk menduduki peperiksaan yang bakal dihadapi pada minggu yang berikutnya. Guru memberikan maklumat dan tips yang berkaitan dengan soalan peperiksaan. Sebelum kelas berakhir, guru turut memberikan maklumat berkenaan dengan keberadaan kerusi di lokasi lain kepada murid yang masih tidak mempunyai kerusi. Selepas itu, kelihatan guru sedang merekodkan maklumat ke dalam buku kawalan kelas berwarna kuning serta mendapatkan maklumat daripada murid-murid tentang ketidakhadiran rakan-rakan pada hari tersebut. Kelas berakhir apabila guru mengucapkan terima kasih diikuti dengan respon daripada murid-murid yang telah berdiri pada minit 21.58. Sementara menunggu guru mengemas dan beralih ke lokasi yang lain, guru sempat berbual dengan murid-murid. Dalam masa yang sama kelihatan ██████ sedang bergurau dengan rakannya dan kemudiannya kedua-duanya duduk kembali. Kemudian guru keluar dari kelas sambil murid-murid bersedia untuk kelas yang berikutnya.

Pengkaji mengekori guru berkenaan yang berjalan sangat laju untuk masuk ke kelas lain. Justeru, pengkaji meminta izin dari guru berkenaan untuk menghubunginya lagi. Guru bersetuju. Pengkaji mengucapkan terima kasih kepada guru di atas kerjasama yang diberikan. Ketika pengkaji menuruni tangga untuk balik pengkaji telah terserempak dengan ██████ dan rakannya yang masih berusaha mencari kerusi.